

**PIAT Rancang Bina Pasar Bernilai RM350,000 Khusus Untuk Usahawan Tani
Bernama
2 Mac, 2014**

KUALA TERENGGANU, 2 Mac (Bernama) -- Persatuan Industri Asas Tani Negeri Terengganu (PIAT) merancang untuk membina sebuah pasar khas bagi usahawan tani negeri bergiat cergas dalam bidang ekonomi.

Pengerusi PIAT Ahmad Azra Norawi berkata projek yang belum ditentukan lokasinya itu dijangka bernilai RM350,000 dan bakal memberi impak bukan sahaja kepada usahawan tetapi juga rakyat negeri Terengganu.

"Ia akan dilaksanakan pada tahun ini. Tujuan lain ialah untuk menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara, melawat negeri Terengganu apabila pasar itu wujud nanti.

"Ia akan mempunyai tarikan tersendiri yang telah kita kenal pasti apabila siap nanti," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata PIAT yang melaksanakan pelbagai rancangan bagi membantu usahawan tani Terengganu termasuk menjaga kebajikan serta meningkatkan kualiti hidup usahawan, juga berusaha memastikan produk yang dihasilkan bermutu.

Bagi membantu memperluaskan pemasaran produk usahawan negeri itu, PIAT menjalinkan kerjasama dengan Canada Service and Education dari Toronto, Kanada, Persatuan Melayu Singapura dan juga dengan usahawan dari Brunei.

Ahmad Azra berkata PIAT berhasrat melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam bidang ini dan berharap penubuhan persatuan ini akan dapat membuka ruang dan peluang generasi muda mengetengahkan bakat serta idea mereka dalam pembangunan dan pengembangan produk industri asas tani.

PIAT yang menggunakan slogan 'Usahawan PIAT berkualiti ke arah global', didaftarkan pada 2 Jan lepas dan mempunyai 150 anggota di seluruh negeri Terengganu dari pelbagai bidang industri asas tani.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018648>